

# 'SEBAB saya KELUAR'

Berita Harian, 28 January 1963, Page 1

 Article also available on Microfilm Reel NL3200

## 'SEBAB saya KELUAR'

**KUALA LUMPUR, Ahad**

### **MENTERI DI-KECHAM KERAS**

*Tuan Tan di-katakan menghalangi projek2 Kementerian  
Pertanian dan menentang pembangunan luar bandar*

—oleh

**Aziz Ishak**

**BEKAS** Menteri Pertanian dan Sharikat Kerja-sama, Inche Abdul Aziz bin Ishak, hari ini telah mengeluarkan sa-buah kenya-taan yang sa-tebal 15 halaman, mengecham bekas teman-nya dalam Jema'ah Menteri, Tuan Tan Siew Sin, Menteri Kewangan sa-bagai "penghalang yang besar" kapada ranchangan2 Kementerian-nya untok me-majukan taraf hidup ra'ayat di-luar bandar.

Inche Aziz juga mensifatkan dasar ekonomi Menteri Kewangan itu sa-bagai "dasar ekonomi yang kolonial".

Inche Aziz mengingatkan bahawa sa-lagi Menteri Kewangan itu tidak mengubah sikap-nya maka sa-lama itu tidak mungkin untok ra'ayat luar bandar negeri ini menchapai perbaikan nasib yang sa-benar-nya. (Jawapan Menteri Kewa-ngan di-ruangan 8)

### **'Menentang gotong royong'**

Bekas Menteri Pertanian itu juga mengata-kan bahawa Tuan Tan Siew Sin menentang da-sar menggalakkan dan memperluaskan chara kerja gotong royong di-kampong2.

Akhir sekali Inche Aziz berkata: "Sa-lagi dia tidak mengubah sikap-nya, maka ra'ayat negeri ini terutama sekali ra'ayat di-luar bandar—sama ada mereka Melayu, China, India atau bangsa2 lain" tidak akan merasakan sa-penoh-nya keba-jukan daripada ranchangan2 Kerajaan.

Inche Aziz menyatakan semenjak persidangan akhbar yang di-adakan-nya sa-jurus lepas beliau keluar dari Kabinet dalam bulan Oktober tahun yang lalu, banyak teman2-nya mendesak-nya supaya menjelaskan sa-penoh-nya sebab2 mengapa beliau melepaskan jawatan-nya dalam Kabinet

"Saya tidak meninggalkan Kabinet dengan kehendak hati saya sendiri," kata-nya

## Tidak perlu

Kata-nya, sa-lama ini beliau tidak membuat sa-sua-tu kenyataan kerana masa-nya untok membuat kenya-taa. itu di-rasakan-nya ti-dak perlu.

"Bagaimana pun, keputu-san Tengku baharu2 ini hendak meluchutkan jawa-tan saya sa-bagai Pengeru-si Jawatankuasa Perikatan Selangor memerlukan saya membuat kenyataan." ka-ta-nya

Inche Aziz berkata sa-menjak beliau menjadi Menteri dalam tahun 1955, "saya telah berusaha sa-daya upaya saya untok memperbaiki kehidupan ra'ayat terutama dengan melaksanakan langkah2 un-

tok membaiki kedudukan ekonomi penduduk luar bandar dan yang demikian menolong memperdekatkan jurang yang memisahkan kedudukan ekonomi penduduk luar bandar dan di dalam bandar."

Inche Aziz menambah bahawa sebelum merdeka dahulu pemimpin2 kemerdekaan Legeri ini yakin Kerajaan British dan dasar2 Kerjanya tidak sesuai untuk Legeri ini terutama untuk rakyat luar bandar.

Dasar2 colonial kita perajaya di-tujukan untuk memperkaya tuan2 penjajah dan sahabat2 mereka; yang kaya lebih kaya, yang miskin terpaksa menderita keparahan dan terpaksa makan kalis pagi makan pagi, makan petang makan petang".

Inche Aziz berkata ada ekonomi nasional yang lain yang dapat memperbaiki ekonomi sosial ra'ayat yang terduduk walau pun Legeri ini dapat menanggung berat hidup yang lebih baik dan lebih baik untuk rakyat-

...ada sesuatu langkah kecil yang di-adakan oleh tuan2 penjajah kita dahulu untuk laedah ra'ayat luar bandar maka kita tahu langkah2 itu hanya untuk memikat hati ra'ayat yang kian tidak puas hati. Demikian keadaan sebelum merdeka dahulu."

## Hak ra'ayat

Inche Aziz telah berkata bahawa seperti juga yang lain beliau mengang- gah Merdeka sebagai hak ra'ayat untuk menjadi tu- an di rumah sendiri untuk mengurus urusan-nya sendiri dan untuk memberi- kan sebarang yang lebih kepada ra'ayat yang pekebun-kan yang menjadi tulang belakang penduduk negeri ini.

Tidak seperti negeri la- lain kita mendapat Merdeka tanpa perjuangan. Kalau ada perjuangan pun maka itu hanya-lah di-lakukan oleh sa-gelintir antara kita yang berjuang untuk meng- hapkan obor harapan da- lam hati sanubari ra'ayat.

Tidak ramai dan sudah tentu tidak ramai dari me- rdeka yang kemudian-nya dengan mudah sahaja me- rampang kesenangan itu. Kita bersama2 dengan kita ketika itu untuk menghada- pi kemungkinan peninda- san dan kezaliman Keraja- an penjajah yang tidak ber- maksud memberikan ke- merdekaan itu kepada kita kata Inche Aziz.

Beliau berkata nampak- nya "gulungan petualang2 besar yang kebanyakannya tidak tahu langsung atau tidak pernah menga- lah penderitaan ra'ayat yang sekarang menentukan masa dan nasib negeri ini".

Marakah, 1950. (di-lan-

ke menjadi Menteri Pertahanan dan Perikanan dan Kementerian Pertahanan dan Perikanan. Setelah Perintah dari Mahkamah Kerajaan dalam bulan August 1955 saya bertolak ke London. Saya dapat menemui beberapa autoriti yang menghadapi masalah ini dan memperoleh beberapa pandangan mengenai masalah ini.

Saya mulakan dengan menyuarakan bersama pegawai-pegawai. Kemudian saya akan mengadakan dan projek untuk diadakan "Kelayakan" untuk

Penghasilan yang baik dan yang lebih besar dan lebih tinggi. Kemajuan ekonomi kerjasama yang lebih luas menjadi tujuan utama yang terdekat sekali.

Langkah-langkah yang dijalankan untuk menambah penghasilan luar bandar dan tanchangan serta projek kerjasama umumnya mengikuti bentuk dan bentuk yang di-tetapkan dan di-terapkan terutama di-Australia yang di-terapkan oleh pegawai-pegawai

## Kebajikan

Kami telah melihat sendiri betapa usaha-usaha dalam negeri-negeri tersebut yang mempunyai latar belakang yang sama dan keadaan yang sama dengan keadaan yang telah mendatangkan kebajikan.

yang besar ka-  
pada ra'ayat di-luar ban-  
dar.

U-aha- Kementerian  
saya untuk mengadakan  
langkah2 ini ranchangan2  
dar projek2 itu di-negeri  
ini juga mendapat soko-  
ngah penoh dari pakar2  
yang di-datangkan taripa-  
da F.A.O. dari sa masa ka-  
a-masa ka-negeri ini

Nyata-lah Kementerian  
saya menjalankan dasar  
dan mempunyai sikap yang  
sa-suai dan tepat yang ka-  
lar di-laksanakan dapat  
memberikan faedah yang  
amat besar kepada ra'ayat  
luar bandar

Salah satu langkah saya  
adalah membuang pegawai2  
zpatriate dari Kement-  
rian saya yang nampak  
saya hanya menjadi peng-  
tampi sahaja atau yang  
tidak bersedia mengubah  
sikap dan pandangan me-  
reka untuk menjalankan  
dasar2 nasional yang di-  
tulukan untuk memberi-  
kan faedah yang segera  
dan tepat kepada ra'ayat  
luar bandar dan negeri ini

Manakala saya mem-  
gang jawatan dalam Ke-  
menterian saya dapat ba-  
hawa hampir2 tiap dasar



atau tindakan yang dibuat oleh pegawai-pegawai ekspatriate itu di-tujukan untuk menolong dan memberikan faedah syarikat2 British dan kepentingan2 mereka.

“Tindakan2 mereka dan dasar2 mereka tidak menitik beratkan kepentingan2 nasional.

“Harus di-ingat bahawa Kementerian saya amat penting sa-bagai alat memelihara kebajikan ra'ayat luar bandar. Kalau kami bekerja chukup tekun dan chukup kuat, ada harapan untuk memperbaiki taraf hidup ra'ayat.



"Baik dalam jawatan politik saya dan sa-bagai Menteri dalam Kabinet, saya telah memastikan bahawa dasar Perikatan memberikan pengakuan yang sa-layak-nya kepada ranchangan2 dan dasar2 yang saya jalankan yang mempunyai hubungan ang-song kepada perbaikan ekonomi ra'ayat luar bandar

## Ketegasan

"Pertanian, perikanan, soal parit dan tali ayer, soal ternakan dan sharikat2 kerjasama semuanya mendapat tempat dalam ranchangan pilihan raya Perikatan.

"Terutama sekali ketegasan yang kuat telah diberikan kepada sharikat2 kerjasama dan untok pilihan2 raya tahun 1959 janji2 berikut telah di-masokkan ka-dalam manifesto Perikatan:-

a) Mempergunakan sa-bagai alat dan sa-bagai pelopor pembangunan luar bandar, maka gerakan sharikat kerjasama akan menerima keutamaan dalam daerah2 luar bandar.

b) Menggalakkan dan memberikan pertolongan penoh kepada orang2 Me layu dalam lapangan2 eko nomi sa-chara beramai2 melalui pertubohan sha-rikat kerjasama sa-bagai tkhtiar yang utama

c) Menyediakan kema-dahan2 meminjam wang dengan tebeh baik dan le-beh be kesian untok petani2 dalam daerah2 luar banda. melalui Bank Agong.

Inche Aziz menegaskan sa-bagai Menteri bellau be-lah berusaha sa-dapat2 nya memenuhi janji2 ma-nifesto itu.

Kata-nya lagi, dasar2 itu di-jalankannya dengan jujur walau pun pelaksa-naan dasar2 itu menyakitkan hati beberapa orang tertentu dalam golongan2 tertentu

Bagaimanapun, orang yang sakit hati itu bukanlah ra'ayat yang melarat atau ra'ayat ani menchari nafkah hidup-nya dengan keringat dan titik peloh mereka sendiri

## Memerah

Orang yang sakit hati itu ia-lah mereka yang mempergunakan kedudukan mereka yang berpengaruh dan modal mereka untuk memerah mereka yang hidup melarat dan yang hidup dengan keringat dan titik peloh mereka tegas Inche Aziz

Saya sentiasa perchaya bahawa satu dasar yang saksama yang patut di-tan-tan-kan ia-lah satu? dasar

yang dapat menjamin keba-  
jikan yang sa-banyak2-nya  
untuk ra'ayat yang sa-ha-  
nyak2-nya." kata-nya

Inche Aziz berkata baha-  
wa genau sedar dari mula  
memegang jawatan Mente-  
ri itu baha'ya kedudukan  
ekonomi ra'ayat di-luar  
bandar hanya dapat di-  
baikki dengan mengeche-  
wakan kedudukan orang2  
tengah, tengkulak2 dan ke-  
pentingan2 pemeras yang  
berchokol di-kampung2

Tegas Inche Aziz Mani-  
festo Perikatan tidak sa-  
kali2 di-maksudkan untuk  
memperlindongi orang2 te-  
ngah dalam daerah2 luar  
bandar, walau siapa sa kali  
pun mereka itu, dengan  
mengorbankan kepentingan  
hidup yang lebeh sempurna  
untuk ra'ayat di-luar ban-  
dar

Beliau berkata bahawa  
kalau hasil nelayan dan pa-  
tani akan di-tambah maka  
perlu sa-kali projek2 lain  
di-jalankan serentak yang  
di-tujukan untuk menyela-  
matkan ra'ayat luar bandar  
daripada orang2 tengah dan  
tengkulak2

## Bijaksana

Dan satu jalan yang di-  
sedari oleh Inche Aziz Is-  
hak ia-lah dengan melan-  
charkan gerakan sharikat  
kerjasama sa-chara besar2  
an

Inche Aziz berkata gera-  
kan itu berjaya dan kejaya-

an itu, kata beliau, mem-  
buktikan kebijaksanaan da-  
sar yang di-jalankan-nya  
itu

Inche Aziz berkata: Saya  
sukachita bahawa Professor  
Ungku Aziz dari Universiti  
Malaya sendiri baharu2 ini  
menyatakan dengan \*tegas  
bahawa satu2-nya harapan  
untuk memperbaiki eko-  
nomi ra'ayat luar bandar  
ia-lah antara lain, men-  
jalankan sistem sharikat

kerjasama.

"Bellau malah menyatak-an Kerajaan telah tidak berikhtiar sa-chukup-nya untok memperbaiki keadaan ekonomi penanam2 padi dan nelayan2."

Inche Aziz berkata bahawa bellau bersetuju dengan pendapat Ungku Aziz itu tetapi dalam keadaan2 yang membatasi kuat kuasa-nya ketika menjadi Menteri dahulu, bellau (Inche Aziz) tidak berdaya bertindak kerana tidak mendapat sokongan kewangan daripada Kabinet.

Inche Aziz menambah: Saya dapat menyatakan bahawa dasar2 dan sikap kerajaan sekarang sa-benar-nya tidak sa-suai dengan kepentingan ra'ayat jelata terutama sekali mereka yang tinggal di-daerah2 luar bandar

"Saya perchaya ujian sa-benar-nya sama ada dasar2 dan sikap2 ini sa-suai atau tidak bukan-lah terletak dalam apa yang dapat dikatakan atau di-tulis oleh sa-sa-orang untok menyokong atau menolak ujian itu.

"Ujian sa-benar-nya ialah dengan bertanya sendiri dari ra'ayat sama ada betul atau tidak sa-sudah bertahun2 merdeka, taraf hidup mereka dan pendapatan mereka telah bertambah besar."

Inche Aziz berkata: Tidak-lah adil untok meng-

nakimi kedudukan orang2 kampung sekarang dengan hanya memandang kepada sa-gelintir manusia yang senang hidupnya yang telah menjadi sa-bahagian daripada gulongan yang ma'amor dan kaya raya setelah Merdeka.

"Dalam masa saya memegang jawatan, saya telah menjelajah di-merata tempat dalam negeri dan telah melihat dengan mata saya sendiri penderitaan dan nasib ra'ayat luar bandar. Itu-lah sebab-nya saya bekerja lebeh keras lagi".

Bekas Menteri itu bertanya pula—

## Menderita

"A p a - k a h . . . guna-nya mempunyai jalan2 raya baharu, bangunan2 baharu untok maksud itu dan maksud ini kalau sa-kiranya ra'ayat luar bandar terus hidup kais pagi makan pagi, kais petang makan petang?".

"Pembinaan jalan2 raya ini hanya menguntongkan kontrekter2 di-bandar yang mendapat keuntongan2 besar dan orang2 tengah pula dapat menggunakan kereta2 yang lebeh besar untok mengangkut hasil orang2 kampung untok dijual dengan keuntongan yang lebeh besar.

"Nasib ra'ayat luar bandar tidak berubah



"Saya perchaya hendak-nya menjadi tanggung ja-wab Kerajaan untok mem-berikan keutamaan yang sa-berat2-nya kapada tugas memperbaiki taraf hidup orang2 kampung daripada mencheburkan diri<sup>LB</sup> dalam sengketa2 dengan kuasa2 luar negeri atau membelan-jakan masa dan wang me-nyusun ranchangan2 untok mendirikan kilang2 dalam daerah2 bandar yang akan memberikan faedah sa-cha<sup>3</sup> langsung kapada penduduk2 bandar

Bertentangan dengan dugaan ra'ayat juga maka kilang2 ini tidak menggunakan bahan2 mentah tempatan dengan banyaknya.

"Kilang2 itu hanya dipergunakan untuk mengumpulkan barang2 buatan asing sahaja. Bahan2 mentah yang berlebihan dari pada luar negeri dibawa ka-negeri ini untuk di-bikin menjadi barang bagi di-jual kepada ra'ayat di-sini dan di-tempat2 lain" kata Inche Aziz lagi.

Inche Aziz berkata beliau menyebutkan contoh2 itu untuk menunjokkan betapa perjalanan dasar2 Kerajaan Perikatan sekarang "tidak menyenangkan" NLB

## Belum faham

Beliau berkata ra'ayat di-kampung kerana jujur dan ikhlas mungkin belum mengerti dengan sa-penohnya akibat2 dari dasar2 yang sekarang di-talankan oleh Kerajaan

Kerana itu, mereka jeri di-pimpin dengan betul kata Inche Aziz

"Mereka menggantungkan harapan dan cita2 mereka kepada janji2 yang di-buat kepada mereka oleh Perikatan dan ter-serah-lah kepada tiap2 sa-orang daripada kita nenjamin supaya mereka tidak di-kechewakan' kata Inche

Asiz lagi

"Tetapi' kata beliau sa-  
lanjut-nya "kepentingan2  
ra'ayat di-luar bandar se-  
karang di-abaikan demi  
kepentingan mengutama-  
kan muslihat kaum modal  
dan soal2 politik lain yang  
mendesak."

Inche Asiz berkata lagi.

"Tidak lama untok saya  
menginsafi bahawa kalau  
kedudukan ekonomi orang2  
kampong hendak di-per-  
baiki maka amat-lah perlu  
sekali sikap dan panda-  
ngan Kerajaan berubah.

"Atau sa-chara terus te-  
rang, mereka yang mempu-  
nyai pengaruh yang besar  
terhadap Kabinet harus  
mengubah sikap dan pan-  
dangan mereka.

**"Nyata-lah bahawa kalau pun rancangan dan dasar sharikat kerjasama yang paling baik maka rancangan itu akan menemui kesukaran dalam pelaksanaan-nya kalau tidak ada kesediaan yang jujur di-pehak Kerajaan untuk melaksanakan dasar2 dan rancangan2 itu.**

**"Saya sentiasa perchaya bahawa dasar ekonomi kita untuk luar bandar dapat di-umpamakan dengan sa-buah rumah burok.**

**"Semua orang tahu bahawa rumah itu walau pun enak di-diami namun kita tahu ia tidak dapat memenohi maksud2 kita.**

## **Tidak guna**

**"Ia perlu di-perbaiki dan di-betulkan. Bagaimanapun, usaha2 membetulkan dan membaiki-nya di-jalankan sedikit2 sahaja.**

**"Umpama-nya tidak-lah guna membaiki hanya sa-buah pintu sahaja atau sa-buah tingkap tetapi membiarkan hujan membochori bumbung rumah itu.**

**"Dalam hubungan-nya dengan dasar Kerajaan, tidak-lah guna hanya meluaskan sa-buah dasar sharikat kerjasama yang baik untok memikat ra'ayat tetapi kita juga harus mempunyai sa-buah dasar sharikat kerjasama yang dapat di-sasuaikan dengan satu dasar ekonomi nasional yang baik.**

**"Walau pun ada kesukaran2 ini, saya telah menjalankan satu dasar memperluas gerakan sharikat kerjasama dengan amat ghairah-nya.**

**"Banyak kejayaan yang baik telah terchapai dalam ranchangan2 dan projek2 saya.**

"Dan saya sentiasa sedar bahawa dengan di-luaskan gerakan2 kerjasama itu terutama dalam bidang2 pasaran dan perniagaan maka kegiatan2 orang, tengah dan saudagar2 akan bertambah terbatas.

"Mereka ini sudah tentu akan marah sekali akan hal yang berlaku itu. Saya juga tahu bahawa mereka akan mempergunakan segala rupa chara untuk menghalangi saya menjalankan terus rancangan2 saya

## Keliru

"Tetapi dengan galakan dan sokongan yang saya terima daripada pegawai2 dan ahli2 sharikat kerjasama serta ra'ayat umum-nya, saya bersiap meneruskan rancangan saya dan menghadapi akibat2-nya.

"Sering kali perjuangan menentang orang2 tengah ini telah di-putar balekkan oleh orang2 yang nakal sebagai perjuangan yang berchorak perkauman.

"Mereka yang nakal ini khusus-nya ia-lah mereka yang ingin meneruskan penindasan mereka terhadap ra'ayat di-kampong2 untuk kepentingan mereka sendiri.

"Bagaimana pun, untuk menghadapi masa'alah ini dari segi perkauman amatlah berbahaya.

"Saya tahu kebanyakan orang2 tengah di-daerah2 luar bandar terdiri dari orang2 China dengan sa-bahagian besar orang2 India pula dan saperti hal-nya Pantai Timor, orang2 Melayu juga menjadi orang2 tengah

"Tetapi manakala kita melihat tindakan kejam yang di-lakukan oleh beberapa negeri lain untuk menghapuskan anchaman orang tengah, kita akan sedar betapa soal perkauman tidak berarti sama sekali kepada masa'alah itu. NLB

"Saya yakin bahawa penanam2 di-luar bandar yang terdiri dari semua kaum akan bergembira melihat anchaman orang tengah itu di-kuborkan sama sekali, di-kampong2 dan di-negeri ini.

"Perbuatan orang2 tengah ini tidak sahaja melumpuhkan penanam2 Melayu di-kampong tetapi juga penanam2 bangsa China dan India.



**"Keghairahan sambutan orang2 China, India dan Melayu di-kampong2 terhadap gerakan sharikat kerjasama ia-lah bukti yang chukup menunjukkan adanya perasaan itu."**

## **Penghalang**

**Sa-lepas itu, Inche Aziz Ishak menudoh Menteri Kewangan, Tuan Tan Siew Sin pula sa-bagai orang yang menghalangi pelaksanaan rancangan Kementeriaan-nya.**

**Inche Aziz berkata: "Dalam menjalankan kerja saya di-Kementeriaan, halangan yang besar sekali dalam melaksanakan rancangan2 Kementeriaan saya sa-suai dengan janji2 Perikatan kepada ra'ayat, ia-**

lah Menteri Kewangan.

"Sikap Menteri itu tidak pernah merupakan sikap bertimbang rasa dan memahami keperluan2 kehendak2 dan chita2 ra'ayat terutama mereka di-dae-rah2 luar bandar ini.

"Sa-sungguh-nya hal ini amat mendukachitakan sekali kerana beliau sa-bagai Menteri Kewangan mempunyai kuat kuasa dan pengawasan yang besar terhadap pelaksanaan rancangan2 dan chadangan2 yang melibatkan wang Kerajaan.

"Hal saya tersingkir dari Kabinet, khabar-nya merupakan satu kemenangan sachara langsung untuk dasar2 yang di-jalankan olehnya.

"Nyata bahawa dia menggalakkan dan memperjuangkan satu dasar ekonomi kolonial di-mana kepentingan2 yang menguasai ialah sa-benar-nya gabungan dari modal asing terutama sekali modal British dengan modal tempatan, kebanyakan-nya modal China.

"Sa-gelintir gulungan atas orang2 Melayu yang sangat sedikit dan tidak berarti itu yang kelihatan munchul dalam lapangan perdagangan dan perusahaan ada-lah sa-benar-nya di-upah oleh pemodal2 besar itu manakala sa-ten-gah-nya yang lain merasa lebeh bijaksana untuk men-

sesuai dengan dasar ekonomi yang berchorak kolonial dari Menteri Kewangan itu.

"Manakala saya memenongkan perkhidmatan saya yang bertahun2 lamanya itu dalam Jema'ah Menteri, maka teringat-lah saya kepada berbagai2 usaha yang di-buat oleh Menteri Kewangan itu untuk mematahkan ranchangan2 Kementerian saya untuk memajukan sharikat2 kerjasama.

"Kita kebuloran wang yang kita perlukan untuk projek2 dan ranchangan2 kita.

## **Kelambatan**

"Biar-lah saya sebutkan beberapa contoh. "Ke-lambatan meluluskan wang untuk ranchangan2 pasaran padi kita bahkan untuk waktu yang singkat sekali pun. umpama-nya, hanya memperkokoh kedudukan pembeli2 padi dan tengkulak2 yang menjadi orang2 tengah itu

Pernah terjadi sharikat2 kerjasama pengilang padi terpaksa meminjam wang daripada badan2 pengilang padi yang berniaga bersendirian itu supaya membiayai buat sementara ranchangan2 pembelian padi sehingga Kerajaan meluluskan wang sharikat2 kerjasama itu

"Saya telah menchnuba meleborkan kekuasaan tengkulak2 orang tengah itu terhadap penanam2 padi yang miskin — satu kekuasaan yang dalam bidang ekonomi, kemasyarakatan, kebudayaan, rohani dan jiwa amat mengaibkan penanam2 padi itu.

"Usaha2 Kementerian saya hendak mengadakan ranchangan2 pasaran padi di-Krian dan Seberang Perai telah gagal sama sekali kerana pengaruh Menteri Kewangan.

"Ranchangan2 sharikat kerjasama perikanan kami telah hanchor kerana dia tidak sanggup mengeluarkan belanja.

"Akibat - nya, nelayan2 yang tadi-nya chuba melepaskan diri dari pada chengkaman orang tengah

dengan memasokki sharikat2 kerjasama terpaksa balek kapada orang2 tengah itu dengan bertelut lutut dan menyembah2.

"Saya telah menghadapi kesukaran mendirikan kilang2 ayer batu. Bahkan sharikat kerjasama China Henghua di-Melaka itu pun menghadapi kesukaran besar untok mendirikan kilang ayer batu mereka.

"Saya mempunyai ranchangan untok mendirikan kedai2 ronchet di-perkampungan2 F.L.D.A. untok memberikan bekalan2 yang di-perlukan oleh penanam2 dan pekebun2 itu dan juga untok mengator menjualkan hasil2 mereka

## Pujokan

"Saya mendapat tahu pegawai2 dalam Pejabat Perbendaharaan itu merasa puas hati terhalap ranchangan itu tetapi pengaruh yang kuat telah di-datangkan oleh Menteri Kewangan untok menolak ranchangan itu

"Bahkan Perdana Menteri pun telah menchuba memujok-nya tetapi gagal untok meminta-nya supaya meluluskan wang kerana kedai2 itu.

"Menteri Kewangan itu, saya tahu,, tidak mahu menyedari nasib orang2 kampung dan betapa perlu-nya untok memperbaiki kedudukan ekonomi mere-

ka.

"Sa-lagi dia tidak mengubah sikap-nya maka sa-lama itu-lah jurang yang lebar memisahkan bidang2 ekonomi bandar dan luar bandar negeri ini dan antara satu kaum dengan kaum yang lain akan bertambah lebar lagi.

"Amat-lah mendukachitakan bahawa ra'ayat luar bandar terpaksa juga menerima telatah Menteri Kewangan itu yang tidak

mempunyai simpati atau yang sedikit sahaja bersimpati terhadap kebajikan dan kesejahteraan mereka.

"Pengaruh-nya dalam Kerajaan ada-lah bagitu kuat hingga dia dapat sekali lagi mengubah terus dasar yang sa-lama ini di-di-tujukan untok memperluas kebiasaan ra'ayat untok bergotong royong.

"Baharu2 ini Timbalan Perdana Menteri dengan bangga-nya berkata bahawa Kerajaan berdasarkan kapitalism dan free enterprise.

"Perduduk2 kampung terutama orang2 Melayu tidak biasa dengan chara potong memotong dalam masharakat kapitalis ite.



"Mereka biasa hidup bergotong royong dan bermuafakat. Nyata-lah bahawa dasar kaum modal dan free enterperise ini yang bertentangan dengan Manifesto Perikatan dan janji2 Perikatan kepada ra'ayat akan mengechewakan ra'ayat luar bandar terutama sekali orang2 Melayu.

"Menteri Kewangan itu telah berjaya lagi menggalakkan dan membela dasar ekonomi-nya yang berchorak penjajahan itu.

### 'Ini karut...'

"Saya tahu bahawa jawapan yang segera akan dibuat oleh Menteri Kewangan itu kepada keterangan2 saya ini ialah bahawa jumlah2 wang yang telah di-pinjamkan kepada sharikat2 kerjasama maseh belum dapat di-bayar kembali dan kerana itu dia tidak dapat lagi mengeluarkan wang atau menyokong ranchangan2 sharikat kerjasama itu.

"Ini karut. Dia patut sedar bahawa nasib ekonomi ra'ayat luar bandar akibat dari pemerasan yang dijalankan terus menerus oleh orang2 tengah itu begitu rupa hingga berjuta2 ra'ayat akan terpaksa digunakan untok membiayai ranchangan2 bagi perbaiki keadaan hidup ra'ayat.



**"Pakar2 dalam Jabatan Sharikat Kerjasama dan sa-benar-nya pakar2 dalam beberapa bidang perkhidmatan Kerajaan dapat diminta fikiran mereka untok menguji sama ada ran-**

**changan2 itu baik atau tidak dan juga untok menjalankan ranchangan2 itu sa-berapa yang terdaya oleh mereka.**

**"Kalau ada kelambatan mendapatkan kembali hutang2 itu, jangan-lah menchela petani2 itu yang terpaksa tundok antara lain2 kapada keadaan2 chuscha dan alam yang tidak tetap.**

**"Orang2 kampung dari bangsa Melayu, China atau India tidak malas, atau buta huruf, atau mundur yang menchuba mendapatkan wang Kerajaan dengan perchuma saperti yang disangka oleh sa-tengah2 orang atasan."**

**Inche Aziz sa-telah itu menyatakan bahawa beliau sentiasa merasa Menteri Kewangan "berfikir dan bertindak berbeza daripada kami".**

**Inche Aziz menyambung —**

**"Saya pergi ka-Kaherah dalam bulan March tahun yang lalu bersama satu perwakilan untok menghadiri Persidangan Pemulehan samula Luar Bandar Afro Asia.**

“Dengan sikap dan sum-bangan2 kita kepada per-sidangan itu kita telah mendapat nama yang baik untuk tanah ayer kita” kata Inche Aziz.

Bellau menyatakan Ma-laya mendapat jawatan Naib Yang di-Pertua da-lam pertubohan itu dan manakala bersaing de-ngan 22 negara lain, Ma-laya telah di-pilih menjadi tempat Persidangan itu yang akan datang. Hal ini, kata Inche Aziz, di-per-setujul oleh Perdana Men-teri, Tengku Abdul Rah-man.

Inche Aziz menambah: “Tetapi apa-kah kedudu-kan hal itu sekarang. Men-teri Kewangan kelihatan membantah ikatan kita

dengan Pertubohan itu".

Bekas Menteri Pertanian itu berkata akibat dari sikap Menteri Kewangan itu, Malaya mungkin terlucut jawatan-nya sebagai naib presiden pertubohan itu dan mungkin persidangan akan datang tidak di-adakan kelak di-negeri ini.

"Nampak-nya Menteri Kewangan itu suka melihat Malaya terpisah daripada negara2 Afro-Asia dan berdamping sa-balek-nya lebih rapat dengan blok Barat sa-mata2 untok menulong-nya mencapai kejayaan dalam dasar kolonial-nya." kata Inche Aziz.

## Tidak senang

Bellau menudoh Tuan Tan Siew Sin konon tidak yakin terhadap kebolehan dan kecekapan pegawai2 Malaya di-bandingkan dengan pegawai2 expatriate.

Inche Aziz berkata lagi sa-lagi Menteri Kewangan itu tidak mengubahkan sikap-nya maka ra'ayat negeri ini terutama, sekali ra'ayat di-luar bandar baik Melayu, atau China atau India, tidak akan mendapat faedah yang sa-benar-nya daripada ranchangan2 dan projek2 Kerajaan.

Hal2 ini-lah, kata Inche Aziz yang menyebabkan beliau merasa tidak senang duduk dalam Kabinet.

Perkembangan2 baharu2 ini baik dalam bidang ekonomi mahu pun politik menyebabkan Inche Aziz yakin bahawa "perkhidmatan saya sa-terus-nya dengan Kerajaan hanya akan menyebabkan saya merasa tidak senang lagi dan menyebabkan sakit lagi yang jauh lebeh besar kepada ahli2 Kabinet".

Demikian kata Inche Aziz bin Ishak.

**Ra'ayat luar bandar maseh belum faham dasar Kerajaan sekarang**



INCH: AZIZ



**TUAN TAN**